

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan sedar bahawa krisis pandemik COVID-19 bukan sahaja memberikan implikasi terhadap masalah kesihatan bahkan turut memberi impak negatif terhadap ekonomi di seluruh dunia. Apakah mekanisme untuk mengatasi impak negatif terhadap ekonomi negara, apakah unjuran pertumbuhan ekonomi bagi tahun hadapan dan bilakah keadaan ekonomi negara dijangka pulih sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Impak penularan pandemik COVID-19 bukan sahaja memberi implikasi terhadap kesihatan malahan turut juga memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi global. Berdasarkan unjuran Tabung Kewangan Antarabangsa atau IMF, kemelesetan ekonomi dunia berikutan situasi ketegangan perdagangan dan ketidaktentuan harga komoditi yang diburukkan lagi dengan penularan pandemik COVID-19 merupakan krisis yang paling genting sejak era *the Great Depression* pada tahun 1930an. Lebih 150 negara termasuk Malaysia dijangka merekodkan penguncupan ekonomi pada tahun ini.

2. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, negara turut sama terjejas dengan perkembangan ini. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara telah mencatatkan penguncupan sebanyak 8.3 peratus bagi tempoh separuh pertama 2020. Penyusutan ini juga disebabkan oleh langkah pembendungan yang ketat bagi mengawal penularan pandemik COVID-19 sama ada di peringkat global mahupun domestik. Langkah kawalan dalam negara perlu dilaksanakan bagi tujuan untuk menyelamatkan nyawa dan melindungi kehidupan rakyat, sungguhpun Kerajaan menyedari impak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam pelbagai fasa tersebut ke atas ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Susulan daripada penularan pandemik dan langkah PKP tersebut, Kerajaan telah bertindak proaktif dengan melaksanakan pelbagai pakej rangsangan ekonomi bernilai RM305 bilion bagi memastikan kebajikan rakyat terus terjamin dan pada masa yang sama menggerakkan semula ekonomi. Kerajaan menggunakan pendekatan strategi 6 fasa atau “6R” seperti berikut:

- a. Pertama, **Ketegasan atau *Resolve*** dalam mengawal Covid-19 dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);
- b. Kedua, **Ketahanan atau *Resilient*** melalui pakej Rangsangan ekonomi PRIHATIN dan PRIHATIN PKS Tambahan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan, kemampuan rakyat dan ekonomi;
- c. Ketiga, **Memulakan semula atau *Restart*** ekonomi secara teratur dan terkawal dengan mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan;
- d. Keempat, **Pemulihan atau *Recovery*** ekonomi dengan memperkenalkan pakej ransangan Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA);

- e. Kelima, **Memperkasa** atau *Revitalize* ekonomi secara menyeluruh melalui Belanjawan 2021; dan
- f. Keenam, **Menyusun semula** atau *Reform* struktur ekonomi untuk kita melangkah ke era kebiasaan baharu menerusi penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 – 2025 (RMKe-12).

4. Fasa ke-5 dan ke-6 dalam strategi 6R ini akan memberi tumpuan dalam memulihkan pertumbuhan ekonomi pada 2021. Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 6 November 2020 lalu merupakan strategi fasa ke-5 iaitu untuk Memperkasa (*Revitalise*). Ia masih bertumpu kepada matlamat menentukan kesejahteraan rakyat dan kelangsungan perniagaan memandangkan kesan pandemik COVID-19 dijangka akan berlanjutan ke tahun 2021. Belanjawan 2021 juga memberi fokus kepada ketahanan ekonomi bagi meletakkan asas pada pertumbuhan jangka sederhana termasuk kelestarian pertumbuhan, pemboleh teknologi dan kualiti perkhidmatan awam. Pelbagai inisiatif dan strategi yang dirangka menunjukkan komitmen Kerajaan untuk merangsang semula pertumbuhan ekonomi pasca krisis COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi mengatasi impak negatif pandemik ke atas ekonomi, Kerajaan telah melaksanakan belanjawan berkembang menentang kitaran, atau *counter-cyclical expansionary budget* dengan izin, bagi menampung kejatuhan permintaan dalam dan luar negeri. Kerajaan akan menumpu kepada perbelanjaan dengan pengganda tinggi seperti RM2.5 bilion peruntukan kepada kontraktor kelas G1 hingga G4 bagi menjalankan projek kecil dan sederhana di seluruh negara. Sejumlah RM50 juta juga telah diperuntukkan sebagai akses pembiayaan kepada kontraktor pembinaan di bawah Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres atau SpiKE.

6. Di samping itu, pembangunan infrastruktur pengangkutan akan diteruskan dengan sejumlah RM15 bilion disediakan bagi membiayai antaranya projek Lebuhraya Pan Borneo, Landasan Berkembar Elektrik

Gemas – Johor Bahru, Landasan Berkembar Lembah Klang Fasa Pertama, *Mass Rapid Transit* 3 atau MRT3 dan *High Speed Rail* atau HSR. Beberapa projek baharu berjumlah RM3.8 bilion turut akan membantu menjana pertumbuhan seperti Projek Fasa 2 bagi pembinaan Jambatan Klang Ke-3 di Selangor, Projek *Central Spine Road* di jajaran baharu di negeri Kelantan dan Pahang, menaik taraf jambatan merentasi Sungai Marang di Terengganu, Projek Fasa 3 bagi membina dan menaik taraf lingkaran Pulau Indah, Klang, Selangor, pembinaan Lebuh raya Pan Borneo Sabah bagi pakej dari Serusop ke Pituru dan menaik taraf Jalan Persekutuan menghubungkan Gerik, Perak ke Kulim, Kedah dan Projek Jalan Pintasan Cameron Highlands, Pahang dengan penekanan langkah pemuliharaan alam sekitar. Ini belum termasuk projek pembangunan di lima koridor wilayah yang akan diteruskan dengan peruntukan sejumlah RM780 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Pelan pemulihan ekonomi seterusnya ialah fasa ke-6 iaitu Menyusun Semula (*Reform*) yang merupakan pelan jangka masa sederhana di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025. RMKe-12 yang dijangka akan dibentangkan pada awal tahun hadapan sedang dirangka dengan mengadakan libat urus bersama semua pihak berkepentingan bagi memastikan pertumbuhan yang berkualiti, inklusif dan mampan. RMKe-12 bermatlamat untuk membolehkan ekonomi dipulihkan sepenuhnya serta memastikan kesejahteraan rakyat dapat ditingkatkan dan kekayaan negara dapat dikongsi bersama.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Pemulihan dalam ekonomi negara dapat dilihat melalui pertumbuhan KDNK bulanan yang bertambah baik. Berdasarkan anggaran KDNK bulanan, prestasi pada bulan Julai menyusut lebih baik pada 2.7 peratus. Manakala, bulan Ogos sebanyak negatif 3.6 peratus dan bulan September sebanyak negatif 1.6 peratus. Sementara itu, pertumbuhan KDNK pada suku tahun ketiga 2020 mencatatkan penyusutan lebih kecil sebanyak 2.7

peratus berbanding negatif 17.1 peratus pada suku tahun kedua 2020. Ini selari dengan sektor ekonomi yang telah kembali beroperasi sejak fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan bermula 10 Jun 2020. Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia bagi 2020 dianggar menguncup antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus sebelum kembali pulih dan berkembang antara 6.5 peratus hingga 7.5 peratus pada 2021.

9. Unjuran ini selari dengan Tabung Kewangan Antarabangsa yang mengunjurkan pertumbuhan dunia kembali pulih kepada 5.2 peratus pada 2021 selepas mencatat penyusutan 4.4 peratus pada 2020. Pemulihan ekonomi negara sepenuhnya juga bergantung kepada tempoh pandemik ini akan berakhir dengan pelbagai aspek perlu diambil kira dari segi kebolehdapatan vaksin COVID-19, perubahan landskap ekonomi dan perdagangan global; penurunan bilangan kes jangkitan COVID-19; keyakinan pelabur dan pelancong; dan keberkesanan langkah ransangan ekonomi.

10. Kerajaan sentiasa komited untuk memperteguh asas ekonomi negara, memulihkan keyakinan rakyat dan pelabur termasuk memperkukuh pengurusan fiskal dan mempelbagaikan sumber pendapatan negara demi memacu pertumbuhan ekonomi masa hadapan. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus memperkemas dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat serta memacu pertumbuhan ekonomi.

Sekian, terima kasih.